

11 AUG 2000

Mahathir-Cabaran

DR MAHATHIR HARAP GOLONGAN MUDA NEGARA SEDIA HADAPI CABARAN

LANGKAWI, 11 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan harapan agar golongan muda di negara ini bersedia untuk menghadapi cabaran kehidupan masa hadapan.

Perdana Menteri berkata sesuatu keadaan berbahaya boleh diatasi jika mereka melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kecekapan untuk mengatasi cabaran.

Dalam masa yang sama beliau mengingatkan golongan muda supaya tidak cuba menghadapi cabaran secara membuta tuli.

"Mereka mesti mencari ilmu (yang sesuai) untuk menghadapi sesuatu masalah (yang timbul)," katanya.

Beliau berucap pada majlis ulangtahun pertama pelayaran mengelilingi dunia secara solo Datuk Azhar Mansor selama 160 hari sejauh kira-kira 21,600 batu nautika di sini malam ini.

Dr Mahathir turut melahirkan keyakinan adanya golongan muda negara ini yang akan menyahut seruannya untuk menghadapi cabaran.

"InsyaAllah, ada golongan muda akan turut menghadapi cabaran seperti mendaki Gunung Everest, merentasi salji dan padang pasir," katanya.

Ini akan dapat membuktikan bahawa orang muda negara ini sanggup menghadapi cabaran, katanya.

Dr Mahathir berkata beliau sangat berbangga dengan apa yang telah dilakukan oleh Azhar.

"Saya menganggap dia sebagai wira negara yang boleh kita banggakan," katanya, sambil berharap golongan muda akan mencontohi Azhar.

Sebelum itu, Azhar berkata sambutan ulangtahun itu dibuat untuk mengimbas kembali semangat yang ditunjukkan oleh rakyat Malaysia ketika menyambut kepulangannya tahun lepas.

Katanya dorongan yang ditunjukkan oleh rakyat negara ini sejak permulaan pelayaran itu mendorongnya untuk terus menamatkan pelayaran itu.

Perdana Menteri turut melancarkan portal 2myportal dan menyaksikan dokumentari pelayaran Azhar yang bermula daripada persediaan pelayaran itu sehingga tiba di tanah air.

-- BERNAMA

NH AHM MAM AKD